



Maklumat Sulit

Rakan niaga mesti memelihara maklumat sulit Sara Lee dengan mengehadkan jumlah maklumat yang didedahkan kepada individu yang menggunakannya untuk menyempurnakan tugas mereka, dan tidak berbincang maklumat sulit di tempat-tempat awam seperti dalam pesawat kapalterbang, dalam lif dan ketika menggunakan telefon bimbit.

Maklumat sulit Sara Lee tidak boleh didedahkan kerana ia dapat memberi kelebihan yang kompetitif kepada syarikat. Contoh maklumat sulit termasuklah rahsia perdagangan, maklumat terperinci jualan dan keuntungan, produk baru atau rancangan pemasaran, penyelidikan dan pembangunan idea atau maklumat, proses pembuatan, maklumat kakitangan, dan maklumat potensi pengambilalihan, divestitur dan pelaburan. Kewajipan memelihara maklumat sulit Sara Lee mungkin akan berterusan walaupun hubungan perniagaan sudah berakhir.

Sara Lee akan menghormati dan memelihara maklumat sulit semua rakan niaga.

Persaingan Yang Adil dan Antitrust

Sara Lee percaya dalam persaingan terbuka dan bebas serta mematuhi dengan ketat semua undang-undang persaingan yang adil dan antitrust yang wujud di negara-negara di mana Sara Lee beroperasi.

Rakan niaga mesti mematuhi semua undang-undang yang berkaitan dan peraturan-peraturan mengenai persaingan yang adil dan antitrust.

Ketepatan Rekod Perniagaan

Rakan niaga mesti merekodkan dan melaporkan maklumat dengan tepat dan secara jujur.

Rakan niaga tidak boleh menyembunyikan, gagal merekodkan atau membuat catatan palsu berkaitan rekod perniagaan. Semua rekod termasuk rekod kewangan

dan operasi mesti memaparkan transaksi, bayaran dan peristiwa dengan tepat, direkodkan pada tarikh ia berlaku, dan mematuhi sebarang keperluan Sara Lee yang sudah dimaklumkan kepada rakan niaga.

Keperluan Undang-undang yang Lain

Rakan niaga perlu mematuhi semua undang-undang yang berkaitan walaupun tidak dinyatakan dengan jelas dalam Dasar ini. Semua "undang-undang yang berkaitan" yang disebut dalam Dasar ini termasuk semua undang-undang tempatan, undang-undang negeri, undang-undang daerah dan undang-undang negara, kod dan peraturan serta semua perjanjian berkaitan.

Komunikasi

Rakan niaga dikehendaki menyampaikan maklumat yang dinyatakan dalam Dasar ini kepada semua pekerja serta rakan niaga mereka yang lain, untuk mereka patuhi.

Pengawasan dan Pematuhan

Rakan niaga mesti memberitahu Sara Lee dengan segera jika mereka menyedari sebarang ketidakpatuhan diamalkan oleh syarikat, pekerja dan rakan niaga mereka seperti yang disebut dalam Dasar ini. Rakan niaga dikehendaki mengambil tindakan segera membangunkan dan melaksanakan rancangan atau program memulihkan sebarang ketidakpatuhan. Rakan niaga perlu sedar Sara Lee terbabit dalam beberapa aktiviti pengawasan untuk mengesahkan Dasar ini dipatuhi, termasuk menjalankan pemeriksaan sendiri dan pemeriksaan tapak secara bebas oleh pihak ketiga serta audit.

Harapan Sara Lee

Sara Lee berharap agar semua rakan niaga berusaha berpegang kepada Dasar ini dan lakukan perkara yang betul. Pekerja Sara Lee di serata dunia menggunakan "Ujian Cermin Diri" sebagai panduan mereka. Semua rakan niaga turut digalakkan menggunakan "Ujian Cermin Diri" ini.

Rakan niaga yang gagal meneliti dan mematuhi Dasar ini mungkin akan menyebabkan urusan niaga dengan Sara Lee dihentikan.



?

Ujian Cermin Diri

Adakah ianya **Sah**?

Apa **Pendapat** orang lain?

Adakah ianya **Betul**?

Lakukan **Perkara yang Betul!**

?

Pertanyaan atau Kekhuatiran

Sara Lee amat menggalakkan mana-mana rakan niaga yang didesak pekerja Sara Lee atau rakan niaga lainnya supaya melanggar Dasar ini agar segera menghubungi Pejabat Amalan Perniagaan Sara Lee. Hubungi talian Sumber Sara Lee di nombor +1-800-285-7964 atau +1-312-345-5715, atau 1-800-80-7472 (di Malaysia) atau layari laman web www.SaraLeeResourceLine.com, atau e-mel kepada Business.Practices@saralee.com.

Secara ringkasnya, semua rakan niaga diharap akan:

1. Mematuhi undang-undang.
2. Mengambil tindakan yang betul.
3. Melaporkan kekhuatiran terhadap amalan perniagaan yang tidak sesuai kepada Sara Lee dengan segera.

Dengan melaksanakan tanggungjawab ini, Sara Lee dan rakan niaga yang dihargai akan dapat mewujudkan kejayaan yang berterusan.

Sara Lee



DASAR GLOBAL UNTUK RAKAN NIAGA

Sara Lee

Copyright 2008



mahu mengurus niaga dengan semua rakan niaga termasuklah pembekal, pengilang, kontraktor, rakan usaha sama, ejen, pengedar dan perunding yang mengamalkan serta menunjukkan tahap etika perniagaan yang tinggi.

Dasar Global untuk Rakan Niaga mentakrifkan keperluan minimum bagi rakan niaga Sara Lee seperti berikut.

Kualiti dan Keselamatan Produk

Tanggungjawab utama Sara Lee adalah memastikan pelanggan boleh dipercayai keselamatan dan kualiti produknya.

Semua rakan niaga perlu menyediakan barangan dan khidmat yang menepati atau mengatasi piawai kualiti dan keselamatan yang ditetapkan kerajaan atau mana-mana pihak. Sebarang ancaman kepada keselamatan produk mesti dilaporkan segera kepada pihak pengurusan Sara Lee.

Amalan Pekerja

Sara Lee mempunyai komitmen yang tinggi dalam memberi pekerja layanan yang adil dan saksama serta hormat-menghormati. Sara Lee mahu mengurus niaga dengan rakan niaga yang juga berkongsi komitmen ini dan rakan

niaga mesti mematuhi undang-undang pekerjaan yang ditetapkan dan menyokong hak asasi manusia. Harapan Sara Lee termasuklah:

- **Buruh kanak-kanak** – Rakan niaga tidak boleh menggaji individu dengan melanggar umur sekolah mandatori tempatan, atau di bawah umur sah kerja di negara mereka beroperasi. Rakan niaga juga tidak boleh menggaji pekerja di bawah 15 tahun yang bukan anggota keluarga, kecuali pelakon dan model kanak-kanak untuk iklan atau media yang dilindungi oleh keperluan buruh kanak-kanak yang berkaitan.
- **Pampasan** – Rakan niaga akan, sekurang-kurangnya, mematuhi undang-undang dan peraturan upah dan masa bekerja berkaitan, termasuklah berkenaan dengan upah minimum.
- **Diskriminasi** – Rakan niaga tidak boleh mendiskriminasi atas sebab sifat dan kepercayaan peribadi. Sara Lee lebih suka rakan niaga yang memberi peluang sama rata kepada semua.
- **Buruh paksa** – Rakan niaga tidak boleh menggunakan buruh paksa atau hamba abdi sama ada buruh terikat, buruh penjara atau kuli kontrak, termasuklah hamba tebusan.
- **Kebebasan Berpersatuan dan Perundingan Kolektif** - Rakan niaga akan menghormati hak pekerja untuk melaksanakan hak mereka untuk berpersatuan. Begitu juga, rakan niaga akan menghormati hak pekerja sama ada memilih atau tidak memilih wakil perundingan kolektif.
- **Keselamatan dan kesihatan** – Rakan niaga akan mengendali persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat untuk pekerja mereka. Ini termasuklah juga kemudahan perumahan dan tempat makan, jika ada.
- **Gangguan & penganiayaan di tempat kerja** – Rakan niaga tidak akan mendedahkan pekerja kepada gangguan secara fizikal, lisan, seksual atau psikologi ataupun mengenakan hukuman dera atau fizikal dalam mendisiplinkan pekerja.
- **Waktu bekerja** – Rakan niaga mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkaitan waktu bekerja.



Persekitaran

Sara Lee mahu mengurus niaga dengan rakan niaga yang berkongsi komitmen syarikat dalam melindungi kualiti persekitaran di seluruh dunia melalui pengurusan persekitaran yang teguh.

Rakan niaga mesti mematuhi semua undang-undang persekitaran yang berkaitan.

Sara Lee akan memilih rakan niaga yang berusaha meminimumkan penggunaan sumber yang tak boleh dibaharui, mengurangkan serta mengitar semula bahan buangan dan meminimumkan kesan persekitaran dalam operasinya.

Konflikkepentingan

Sara Lee mahu keputusan perniagaan dibuat demi kepentingan syarikat. Sebarang situasi yang mewujudkan atau disyaki menimbulkan konflik di antara kepentingan peribadi dengan kepentingan Sara Lee mestilah dielakkan.

Konflikkepentingan mungkin timbul semasa mengurus niaga dengan syarikat yang menggaji, ataupun dimiliki sepenuhnya atau sebahagiannya oleh pekerja Sara Lee, anggota keluarganya atau kenalan rapatnya.

Rakan niaga mesti mendedahkan sebarang konflikkepentingan yang sudah atau akan timbul kepada pihak pengurusan Sara Lee.

Anti Rasuah

Sara Lee amat mematuhi semua undang-undang berkaitan antirasuah, termasuklah Akta Amalan Rasuah Asing, dan mahu rakan niaganya mengambil tindakan serupa.

Rakan niaga tidak boleh merasuah atau memberi sogokan demi meningkatkan hubungan perniagaan dengan Sara Lee. Ini termasuklah menawar, berjanji untuk membayar atau meluluskan bayaran atau yang setara dengannya kepada pegawai kerajaan tempatan, parti politik, pegawai parti, calon pejabat politik, atau pegawai organisasi antarabangsa (seperti Kesatuan Eropah atau Bank Dunia) secara langsung atau tidak langsung, bagi tujuan mempengaruhi keputusan pegawai yang dapat membantu Sara Lee mendapatkan atau mengekalkan perniagaan, atau mendapat kelebihan perdagangan yang tidak wajar.

Hadiah, Layanan Istimewa dan Hiburan

Hadiah, layanan istimewa dan hiburan tidak perlu ketika berurusan dengan Sara Lee, kerana ia akan mendorong secara langsung atau tidak langsung kepada konflikkepentingan.



Di kebanyakan industri dan Negara, hadiah, layanan istimewa dan hiburan digunakan bagi mengeratkan hubungan perniagaan. Tetapi, terdapat satu prinsip umum yang jelas diamalkan iaitu: Hadiah, layanan istimewa atau hiburan tidak boleh diberi atau diterima jika ia menyebabkan atau seperti menyebabkan penerima berasa serba salah.

Hadiah atau hiburan boleh diberi seandainya ia munasabah dalam melengkapkan hubungan perniagaan atau berharga sederhana dan, dalam tujuan tertentu, tidak melanggar undang-undang atau polisi Sara Lee. Pekerja Sara Lee tidak boleh menerima hadiah, layanan istimewa dan hiburan bernilai lebih daripada \$250USD setahun dari syarikat yang sama. Sebagai contoh, terdapat beberapa entiti Sara Lee yang mungkin berurusan dengan anda mengenakan had yang lebih rendah. Polisi Sara Lee dengan jelas, melarang pekerjanya terlibat dalam situasi berikut:

- Meminta atau mendapatkan hadiah peribadi, layanan istimewa, hiburan atau perkhidmatan.
- Mengeksploitasi jawatan mereka untuk meminta penjual, termasuk institusi kewangan, bagi memberi layanan utama dari segi harga, syarat atau pinjaman peribadi.
- Menerima rasuah atau sogokan.
- Menerima wang tunai atau yang setara nilainya
- Disediakan dengan hiburan dan hadiah yang mewah atau berlebihan
- Diraikan di kelab atau di organisasi yang membezakan kaum, warna kulit, jantina, negara asal, agama atau berorientasikan seks.
- Dihiburkan di tempat yang berorientasikan seks, seperti 'Kelab Lelaki Terhormat', 'kelab tarian bogel' atau rumah pelacuran.
- Dihiburkan di tempat yang mungkin akan membahayakan diri fizikal mereka.